

25/07/2000

Rakyat tolak pihak cetuskan huru-hara

Wan Hazmir Bakar; Munaarfah Abu Bakar

PUTRAJAYA, Isnin - Rakyat menolak sebarang usaha mana-mana pihak yang berhasrat mencetuskan huru-hara dalam negara atau menjatuhkan kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini jelas terbukti apabila rakyat tidak menyokong perancangan ganas kumpulan Al-Ma'unah awal bulan ini untuk menggulingkan kerajaan.

Beliau berkata, ketua kumpulan itu, Mohd Amin Mohd Razali tersalah anggap bahawa tindakannya akan menjadi pemangkin untuk rakyat turut sama mencetuskan kekacauan dan akhirnya menjatuhkan kerajaan.

"Dia lihat di negara lain apabila rakyat merusuh hari demi hari maka kerajaan pun jatuh. Inilah harapan dia tetapi itu tidak berlaku. Rakyat Malaysia tidak berminat untuk membuat apa yang dia hendak," katanya di pejabatnya di sini, hari ini.

Terdahulu Perdana Menteri menghadiri perjumpaan khas dan dialog dengan wakil 90 badan bukan kerajaan (NGO) wanita di Jabatan Perdana Menteri, di sini petang ini.

Pada 2 Julai lalu, kumpulan Al-Ma'unah yang diketuai Amin melarikan senjata dari dua kem tentera di Grik, Perak, dan mereka membunuh dua anggota keselamatan sebelum menyerah diri lima hari kemudian.

Mereka merancang melakukan keganasan bagi mencetuskan huru-hara dalam negara serta mengisytiharkan perang terhadap kerajaan.

Dr Mahathir berkata, Mohd Amin turut menyelewengkan ajaran sebenar Al-Ma'unah yang dipelajarinya di Indonesia.

Sebaliknya, beliau berkata, Mohd Amin menggambarkan dirinya sebagai seorang manusia luar biasa dan kebal supaya pengikutnya kagum sekali gus mematuhi segala kehendaknya termasuk melakukan keganasan dan menjatuhkan kerajaan.

"Al-Ma'unah di Indonesia itu bertujuan membuat baik iaitu mencari pertolongan Allah untuk membuat benda baik, tetapi Mohd Amin jelas mempunyai niat lain dan dia tidak mengikut ajaran Al-Ma'unah sebenar.

"Dia buat itu supaya pengikutnya kagum dengan kebolehannya dan pada masa sama dia percaya dia memang kebal. Dengan itu dia mengambil tindakan yang mendedahkan dirinya kepada bahaya," katanya.

Mengenai mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) esok, Perdana Menteri berkata ia akan membincangkan masalah yang dihadapi BN serta permohonan beberapa parti untuk menyertai gabungan itu.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, turut akan dibincangkan dalam mesyuarat itu ialah perkara berkaitan sokongan rakyat kepada parti dan kerajaan serta perbezaan pandangan antara parti komponen yang melemahkan BN.

Mengenai dialog tiga jam itu, Dr Mahathir berkata beliau mendengar pelbagai pandangan, rintihan serta cadangan berkaitan kepentingan wanita.

Antaranya, tabung perniagaan untuk wanita, layanan khas untuk mereka dalam belanjawan dan rancangan lima tahun, pusat penyelidikan mengenai wanita serta masalah mereka, pelaksanaan undang-undang syariah dan ketidakadilan kepada wanita.

(END)